



DR. ABDUL RAHMAN OMAR (kiri) bersama Nigel Horrox dan Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris dalam sidang akhbar sempena Mesyuarat Keempat MVPA di Serdang, Selangor baru-baru ini.

Keperluan tangani isu industri ayam

INDUSTRI ayam seperti yang diketahui umum memainkan peranan penting dalam sektor ekonomi negara.

Ini kerana industri tersebut berkembang antara lima hingga enam peratus setiap tahun dengan menyumbang RM10 bilion daripada RM12 bilion dalam sektor penternakan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2016.

Meskipun industri itu mempunyai keupayaan untuk berkembang lebih pesat, namun halangan seperti penyakit akan menggugat pengeluaran ayam mahupun telur dalam pasaran negara atau untuk dieksport.

Malaysia sebagai salah sebuah negara Asia yang memiliki kepakaran dalam industri ayam seperti menangani penyakit serta menghasilkan vaksin untuk pelbagai penyakit berkaitan industri itu, akan sentiasa bersiap siaga menghadapi apa jua cabaran pada masa kini dan akan datang.

Justeru, perbincangan berterusan serta berkongsi kepakaran bersama negara ASEAN lain akan membuka lebih banyak peluang kepada Malaysia untuk mencari penyelesaian kepada pemasalahan atau isu yang timbul dalam industri ayam.

Presiden Persatuan Ayam Itik Veterinar Dunia (MVPA) Malaysia, **Prof. Dr. Abdul Rahman Omar** berkata, Mesyuarat Asia Ke-4 WVPA 2018 yang dianjurkan

baru-baru ini berjaya mencapai objektif dalam membincangkan cabaran yang dihadapi dalam industri ayam terkini.

Mesyuarat yang menghimpunkan 370 delegasi dari 20 negara bagi membincangkan mengenai vaksin dari dalam dan luar negara serta kawalan penyakit bawaan virus serta bakteria.

“Malaysia menghasilkan ayam yang cukup iaitu dalam 130 peratus bagi menampung permintaan dalam dan luar negara sejak 1980.

PENYAKIT

“Ini bermakna jika industri ternakan ayam diserang apa jua penyakit bukan sahaja membebankan penternak ayam, malah akan memberi kesan kepada industri tersebut secara keseluruhan,” katanya.

Turut hadir dalam sidang akhbar tersebut ialah Presiden WVPA, **Dr. Nigel Horrox**.

Dalam pada itu, Abdul Rahman yang juga Pengarah Institut Biosains Universiti Putra Malaysia (UPM) memberitahu, daging dan telur ayam menyumbang kira-kira 90 peratus daripada keseluruhan industri.

Sebanyak tujuh hingga 10 peratus daripada jumlah tersebut dieksport ke luar negara seperti Singapura, Hong Kong, Brunei, Jepun dan Asia Barat.

“Ayam yang disembelih dianggarkan sebanyak dua

juta setahun. Ini bermakna sumber protein utama negara perlu dijaga dan dikawal dengan baik bagi mengelakkan kekurangan bekalan ayam,” jelasnya.

Tambah beliau, permintaan terhadap ayam halal dari kebanyakan negara juga menjadi kelebihan kepada Malaysia untuk sentiasa peka terhadap kesihatan dan keselamatan industri ayam.

“Bidang penternakan ayam merupakan satu industri yang memiliki peluang yang amat besar dan saya percaya akan terus berkembang pesat.

“Dalam masa sama, kami turut menyasarkan industri ini akan menembusi pasaran Eropah kerana mendapat permintaan yang tinggi,” jelasnya.

Sementara itu Horrox berkata, penyakit dalam industri ayam tiada sempadan dan boleh menyerang pada bila-bila masa serta di mana jua sekali gus menjadi agenda penting terutama bagi veterinar dalam menyediakan perkhidmatan terbaik melalui ilmu pengetahuan serta profesionalisme bagi mengatasi masalah berkenaan.

“Inilah peranan WVPA untuk sentiasa menjalin kerjasama dan mengekalkan hubungan bersama veterinar dalam usaha membantu memperluaskan ilmu pengetahuan, berkongsi pandangan serta kepakaran,” katanya.